



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

SEMENTARA NAMUN BERMAKNA

Tarikh Dibaca:

**22 MUHARRAM 1447H /
18 JULAI 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إسلام ماليزيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SEMENTARA NAMUN BERMAKNA

18 JULAI 2025 / 22 MUHARRAM 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
﴿اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ
كَمَثَلٍ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيْجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَمًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ
شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿٢٠﴾﴾ الحديد [20]
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan berbicara tentang; “**Sementara Namun Bermakna**”.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru sidang Jemaah sekalian untuk terus memanjatkan doa pertolongan kepada Allah SWT agar melindungi, menyelamatkan dan memberi kemenangan kepada penduduk Palestin dalam mempertahankan tanah air mereka. Sesungguhnya doa dari kita semua adalah senjata yang paling ampuh boleh kita

salurkan kepada mereka dan hanya kepada Allah SWT jualah tempat yang selayaknya kita memohon pertolongan.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Firman Allah SWT dalam sebahagian Surah al-Hadid ayat 20 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak;”

Allah SWT memberi gambaran yang jelas melalui ayat ini tentang dunia sebagai permainan dan perhiasan yang sementara. Ia umpama tanaman yang tumbuh menghiujau, akhirnya layu dan hancur. Dunia hanyalah sebuah persinggahan yang padanya terdapat banyak fatamorgana yang memukau dan sekadar bayang yang menipu. Ada yang berjaya menepis tipu dayanya, namun sangat ramai pula manusia yang tertipu dan hanyut tenggelam dalam kebinasaannya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Zaman ini kelihatannya semakin maju, tetapi sebenarnya semakin keliru. Agak menghairankan apabila orang yang mengaku dirinya Islam tetapi meninggalkan ajaran dan amalan yang telah disyariatkan. Bahkan orang yang menjalankan kepatuhan terhadap agama pula yang digelar kolot.

Ada pula yang gegak-gempita melaungkan slogan kebebasan mutlak dan hak asasi yang melampau iaitu kebebasan yang bertentangan dengan fitrah agama dan manusiawi. Ada yang perjuangkan kebebasan beragama, kebebasan memilih jantina, kebebasan melakukan maksiat malah menghina dan mempersenda syariat Islam. Perjuangan mereka hanyalah dipandu oleh hawa nafsu semata-mata. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Jaathiyah ayat 23:

أَفْرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَٰهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ

Maksudnya: “Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipatuhinya, dan dia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa dia tetap kufur ingkar)”.

Begitulah dunia memenjarakan umat manusia sehingga ada yang sanggup memperhambakan diri semata-mata mengejar gaya hidup, teknologi dan nafsu.

Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahuanhu* bahawa Nabi SAW bersabda:

الدُّنْيَا سِجْنُ الْمُؤْمِنِ، وَجَنَّةُ الْكَافِرِ

Maksudnya: “Dunia itu penjara bagi orang mukmin dan syurga bagi orang kafir”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Manusia juga boleh tertipu dengan amalnya sendiri. Berasa diri lebih baik daripada orang lain dan berasa amalnya lebih banyak daripada orang lain hingga akhirnya memandang remeh orang lain. Inilah tipu daya paling halus dan paling licik banyak memerangkap manusia.

Dalam kitab *Ihya' Ulumuddin*, Imam al-Ghazali rahimahullah menjelaskan bahawa sifat ini boleh timbul kepada sesiapa sahaja. Ulama boleh tertipu dengan ilmunya, ‘*abid*’ atau ahli ibadah terpedaya dengan amal ibadahnya, pemimpin berasa mulia kerana kuasanya, hartawan berasa mulia kerana hartanya. Juga sebahagian orang berasa mulia kerana mempunyai “pengikut” yang ramai di media sosial.

Kenyataan ini menjadi bukti jelas bahawa seluruh penghuni dunia berada dalam bahaya andai lalai mengambil iktibar daripada peringatan Allah. Buktinya, bukankah iblis dahulu tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang taat bersama para malaikat di syurga? Hanya kerana kesombongannya, ia dilaknat selama-lamanya. Allah SWT berfirman melalui Surah al-Israa’ ayat 61:

﴿وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ قَالَ أَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا

Maksudnya: *“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam”; maka mereka pun bersujud melainkan iblis; ia berkata: Patutkah aku sujud kepada (makhluk) yang Engkau jadikan dari tanah (yang diadun)?”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dunia ini hakikatnya hanyalah tempat persinggahan sementara, ibarat jambatan yang menghubungkan kita dengan akhirat yang kekal abadi. Setiap detik dan langkah di dunia ini menentukan nasib kita di akhirat kelak. Oleh itu, kehidupan dunia bukanlah medan untuk bersenang-lenang semata-mata, sebaliknya ia merupakan ruang ujian dan peluang untuk mengumpul bekalan amal soleh dan ketaatan kepada Allah SWT. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda: *“Jadilah kamu di dunia seperti orang asing atau seorang pengembara”.* **(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)**

Allah SWT juga mengingatkan dalam Surah al-Ankabuut ayat 64:

“Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat)”.

Maka, menjadi tanggungjawab setiap mukmin untuk menggunakan kesempatan hidup ini bagi mendekatkan diri kepada Allah, memperbanyak amal kebajikan, meninggalkan maksiat dan menjalankan tugas sebagai hamba dan khalifah dengan penuh amanah. Sesungguhnya sesiapa yang lalai, dia akan rugi. Tetapi sesiapa yang sedar dan bersiap sedia, dia akan beruntung selama-lamanya.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa intipati penting saya tinggalkan buat kita renungi bersama;

Pertama: Hiduplah di dunia ini dengan sentiasa penuh kesedaran bahawa dunia ialah sebuah perjalanan untuk menuju akhirat yang abadi.

Kedua: Usah biarkan pesona dunia memerangkap dan memenjarakan kita dari lalai mengingati Allah SWT dan melaksanakan segala kewajipan yang telah disyariatkan.

Ketiga: Gunakan dunia untuk meraih kesenangan di akhirat. Yakinlah bahawa apabila kita mengutamakan akhirat, dunia akan turut mengikutinya. Sebaliknya jika kita hanya mencari kesenangan dunia, kita akan terlepas kesenangan di akhirat.

Renungi firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 185:

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فَمَن زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَعُ الْعُرُورِ﴾

Maksudnya: “Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke Syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Mimbar hari ini juga turut mengambil kesempatan merakamkan penghargaan kepada Jabatan Imigresen Malaysia sempena meraikan 103 tahun penubuhannya. Setiap masyarakat juga memiliki peranan dan bersama berganding bahu memberi kerjasama erat kepada Jabatan Imigresen Malaysia dalam mendepani pelbagai cabaran dan ancaman keselamatan global. Semoga seluruh warga Jabatan Imigresen Malaysia diberi kekuatan dan keteguhan hati dengan penuh integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِهَا
 مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغُ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.
 وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغُ، رَاجِ
 زَارِيثُ صُوفِيَاةَ.
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقَضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.